

08 DEC 1999

Exco-Sumpah

LAPAN ANGGOTA EXCO MELAKA ANGKAT SUMPAH

MELAKA, 8 Dis (Bernama) -- Lapan orang anggota Exco kerajaan negeri Melaka, empat daripadanya muka baru, mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin hari ini.

Empat muka baru itu ialah Datuk Long Said, Datuk Hamdin Abdollah, Datuk Seah Kwi Tong dan Hajah Ramlah Abas.

Anggota-anggota Exco lain ialah Datuk Ahmad Hamzah, Datuk Momin Abdul Aziz, Datuk Ibrahim Durum dan Datuk Poh Ah Tiam.

Majlis itu berlangsung di Istana Melaka, Ayer Keroh di sini dan dihadiri Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam, ketua-ketua jabatan dan anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) yang lain.

Pelantikan barisan anggota Exco kerajaan negeri itu turut melibatkan sedikit rombakan portfolio.

Mohd Ali pada sidang berita selepas majlis itu turut mengumumkan perlantikan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Alai, Datuk Amid Nordin sebagai Speaker DUN yang baru. Majlis angkat sumpah Speaker akan dilangsungkan pada persidangan dewan akan datang.

Muka-muka lama yang terlibat dengan rombakan portfolio ialah Ahmad yang akan menjadi pengurus Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi, mengambil-alih tempat Ibrahim.

Ibrahim menggantikan tempat Ahmad sebagai pengurus Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian.

Momin masih menjadi pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar manakala Poh pula menyandang jawatan Pengurus Kerja Raya dan Kemudahan Awam.

Potfolio beliau sebagai Pengurus Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan diambil-alih oleh muka baru, Hamdin, ADUN kawasan Rembia yang juga Ketua Umno Bahagian Selandar.

ADUN Ayer Keroh, Seah dilantik sebagai pengurus Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna. Beliau menggantikan tempat ADUN kawasan Duyong, Datuk Gan Boon Leong yang menolak tawaran menjadi Exco bagi penggal keempat.

Ramlah yang memenangi kerusi DUN Rim pada kali pertama bertanding pada pilihan raya umum lalu dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan.

Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, portfolio yang sebelum ini berkembar dengan Hal Ehwal Agama disandang oleh Long, ADUN kawasan Ramuan Cina.

Mohd Ali akan memegang portfolio Hal Ehwal Agama, Tanah, Kewangan dan Perancang Ekonomi.

Ketua Menteri itu berkata rombakan portfolio itu bertujuan memberi tumpuan kepada bidang pendidikan.

Beliau menyifatkan barisan Exco yang dibentuk itu sebagai pasukan yang baik dan memahami wawasan dan dasar kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk terus membangunkan negara.

"Saya harap kerjasama pasukan ini akan berjalan dengan semangat kukuh dan kekeluargaan bagi memenuhi amanah dan mandat yang diberikan oleh rakyat pada pilihan raya lalu," katanya.

Mohd Ali juga memberi jaminan bahawa kerajaan negeri akan memastikan semua dasarnya selari dengan dasar kerajaan pusat.

Ketika menjawab pertanyaan pemberita, beliau berkata kerajaan negeri tidak bercadang untuk mewujudkan portfolio baru atau melantik anggota Exco tambahan walaupun terdapat dua lagi kekosongan.

"Lapan sudah cukup buat masa ini tetapi jika ada keperluan, kita akan mendapatkan persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat pelantikan tambahan," katanya.

Beliau berkata memang ada permintaan daripada beberapa pihak termasuk MIC supaya barisan Exco ditambah tetapi buat masa ini tiada keperluan lagi untuk berbuat demikian.

"Saya harap mereka yang tidak terpilih akan terus bekerja kerana tanpa jawatan itu pun, mereka boleh bekerja dan menjalankan tanggungjawab kepada rakyat," katanya.

-- BERNAMA

MOZ MYD NMO